

01 MAR 2003

Cuepacs-Gaji/I

CUEPACS MAHU KAKITANGAN KERAJAAN DIBAYAR 13 BULAN GAJI

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) akan mengemukakan memorandum memohon kerajaan membayar 13 bulan gaji setahun kepada kakitangan kerajaan.

Presiden Cuepacs Datuk N. Siva Subramaniam berkata langkah itu jika dilaksanakan, boleh mencergaskan ekonomi negara terutama dalam industri peruncitan.

"Kami mahu kerajaan membayar tambahan sebulan gaji dan ini (gaji) diuat dalam dua pembayaran, separuh bulan gaji sebelum perayaan utama dan separuh lagi sebelum sekolah dibuka," katanya pada sidang media selepas mesyuarat majlis Cuepacs di sini hari ini.

Siva berkata tambahan sebulan gaji itu tidak boleh dianggap sebagai bonus kerana pembayaran bonus adalah atas budi bicara kerajaan yang dibayar apabila ekonomi baik.

Mesyuarat itu yang dihadiri 200 anggota gabungan, bersetuju cadangan itu dikemukakan kepada kerajaan secepat mungkin.

Dalam perkembangan lain, Cuepacs menyambut baik cadangan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya program pertukaran pelajar antara sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan dijalankan.

Semalam, Abdullah berkata program pertukaran pelajar itu wajar diperkenalkan bagi mengeratkan hubungan kaum antara pelajar di negara ini.

"Ini pastinya akan mengeratkan perpaduan di kalangan pelajar... generasi lama tidak mempunyai masalah dengan kaum lain, masalahnya bermula dengan pelajar muda," kata Siva.

Beliau mencadangkan pelajar sekolah jenis kebangsaan ditempatkan di sekolah kebangsaan selama sebulan dan sebaliknya bagi membantu pelajar memahami budaya kaum lain di negara ini.

"Ini termasuk pelajar dari Sabah dan Sarawak dalam usaha mewujudkan masyarakat Malaysia yang tulen," katanya.

Mengenai kenaikan harga minyak sebanyak dua sen mulai hari ini, Siva berkata Cuepacs memahami sebab kenaikan itu dan meminta pihak berkuasa memastikan harga barangan lain tidak dinaikkan ekoran kenaikan harga petroleum.

"Kadang kala apabila harga minyak naik, harga secawan kopi atau roti canai akan naik... kami terima kenaikan itu tetapi kerajaan mesti memastikan harga barangan tidak naik sama," katanya.

Mesyuarat itu turut meluluskan resolusi mengutuk hasrat Amerika Syarikat untuk menyerang Iraq dan akan mengemukakan nota bantahan kepada kedutaan negara itu di sini tidak lama lagi.

Siva berkata doktor antarabangsa berkata serangan ke atas Iraq akan menyebabkan 260,000 orang terbunuh dan 200,000 lagi akan mati akibat masalah kesihatan.

"Kami mahu Amerika Syarikat mengetahui kami serius dalam hal ini dan kakitangan awam Malaysia berdiri teguh di belakang pemimpin negara yang mahukan keamanan."

Siva juga berterima kasih kepada kakitangan awam yang hadir pada perkhimpunan aman yang turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu lepas.

Lebih 100,000 orang, termasuk 15,000 kakitangan kerajaan, menghadiri perhimpunan itu yang menggesa penyelesaian aman untuk krisis Iraq.

-- BERNAMA

SR MFZ LAT

